

# **MALAYSIA DAN ISU ANTARTIKA ERA TUN DR. MAHATHIR MOHAMMED**

**SUZIE MADIANA AK REGGIE  
HA2006-4999**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAHINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
SESI 2006/2009**

4000017041



183278

RECF1150  
 09 JUN 2009  
 Sekolah Sains Sosial  
 Universiti Malaysia Sabah

PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: MALAYSIA DAN ISU ANTARTICA ERA TUN DR. MAHAATIRAbdullahIJAZAH: SERJANA MUDA SAINS SOSIALSAYA SUZIE MADIANA AK RZGIE  
(HURUF BESAR)SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Puan Marja Azlima Omar

Nama Penyelia

Tarikh:

Tarikh:

## C. PERPUSTAKAAN UMS



1400017041

Muda (LPSM).

TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu IT dan TERHAD.

Igai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara Muda bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

 PERPUSTAKAAN  
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

 UMS  
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN PELAJAR**

Saya mengaku bahawa Tesis Latihan Ilmiah ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



Tarikh:

(SUZIE MADIANA AK REGGIE)

Program Hubungan Antarabangsa

Sekolah Sains Sosial

Universiti Malaysia Sabah.

## **PENGESAHAN PENYELIA**

Latihan Ilmiah yang bertajuk Malaysia dan isu Antartika era Tun Dr. Mahathir Mohammed yang disediakan oleh Suzie Madiana ak Reggie adalah bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh,

---

(Pn. Marja Azlima Omar)  
Penyelia Latihan Ilmiah  
Sekolah Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sabah.

Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan ini ditujukan khas buat penyelia saya iaitu Puan Marja Azlima Omar yang telah banyak memberikan bantuan dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Sekolah Sains Sosial, serta kakitangan sekolah, yang turut membantu saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Sesungguhnya kejayaan saya menyiapkan disertasi ini adalah berkat doa dan dorongan daripada keluarga tercinta terutamanya ayahanda Reggie Timpon dan ibunda Faith Chau. Seterusnya, tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, sahabat-sahabat baik yang telah begitu banyak membantu dari segi moral, spiritual, mahupun material. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada kalian. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tugas ini. Tanpa kalian tidak dapatlah saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

## **ABSTRAK**

### **MALAYSIA DAN ISU ANTARTIKA ERA TUN DR. MAHATHIR MOHAMMED**

Kajian ini dibuat untuk meninjau latar belakang isu Antartika yang telah diutarakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad di peringkat antarabangsa. Selain itu, tulisan ini juga bertujuan untuk menganalisa tindakan Malaysia dan dasar luar Tun Dr. Mahathir Mohammad berhubung dengan isu Antartika. Di samping itu, tulisan ini juga melihat sejauhmanakah keberkesanan Malaysia dan dasar luar Tun Dr. Mahathir Mohammad dalam isu Antartika di peringkat antarabangsa. Penulisan ini juga memperlihatkan bagaimanakah Tun Dr. Mahathir Mohammad memainkan peranan beliau sebagai seorang pemimpin negara kecil dalam mempertengahkan isu Antartika dalam konteks antarabangsa. Subjek yang ditekankan dalam penulisan ini adalah melihat sejauhmanakah peranan organisasi antarabangsa seperti Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Selain itu, penulisan ini juga melihat dari aspek luar iaitu peranan Scientific Committee on Antarctic Research (SCAR) dan Malaysia Antarctic Research Programme (MARP). Penulisan ini turut memperlihatkan tindak balas negara-negara ahli yang telah menandatangani perjanjian Antarctic Treaty 1959 dan juga negara-negara yang tidak menyertai triti tersebut. Kesimpulannya, Walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang dikategorikan sebagai sebuah negara kecil dalam konteks ketenteraan dan ekonomi. Namun, dengan keberanian Tun Dr. Mahathir Mohammad dalam menyuarakan pendapatnya telah membuka mata banyak negara yang selama ini hanya memandang remeh kepentingan yang wujud di benua Antartika.

## **ABSTRACT**

### **MALAYSIA DAN ISU ANTARTIKA ERA TUN DR. MAHATHIR MOHAMMED**

*This research is undertaken to analyze the background issue of Antarctic as proposed by the previous Prime Minister of Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohammad. It seeks to examine Malaysia's approaches and the policies of Tun Mahathir with regards to the issue of Antarctica. The focus of this writing is to ascertain the effectiveness of measures and actions taken by Malaysia at the international level. Despite being a small state, Malaysia and Tun Dr. Mahathir has managed to highlight the issue of Antarctica at international level. This research also seeks to evaluate the role played by PBB, SCAR and MARP in the issue at hand. In addition, this research also discusses the important of Antarctic Treaty 1959. The involvement of non-party states to treaty is also assessed. In sum, this research concludes that the bravery and the determination of Tun Dr. Mahathir has managed to highlight the issue of Antarctica at the international level*

## **SENARAI SINGKATAN**

PBB	PERSATUAN BANGSA-BANGSA BERSATU
SCAR	SCIENTIFIC COMMITTEE ON ANTARCTIC RESEARCH
IGY	THE INTERNATIONAL GEOPHYSICAL YEAR
ASEAN	ASSOCIATION SOUTHEAST ASIA NATIONS
OIC	ORGANIZATION OF THE ISLAMIC CONFERENCE
APEC	ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION
NAM	NON ALIGNMENT MOVEMENT
ATCPs	THE ANTARCTICA CONSULTATIVE PARTIES
Non-ATCPs	THE NON-CONSULTATIVE MEMBERS
MARP	MALAYSIAN ANTARCTICA RESEARCH PROGRAMME
RTM	RANCANGAN TELEVISYEN MALAYSIA
ASM	AKADEMIK SAINS MALAYSIA
UKM	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
UMM	UNIVERSITI MULTIMEDIA MALAYSIA
UPM	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UM	UNIVERSITI MALAYA
ATS	ANTARCTICA TREATY SYSTEM

**KANDUNGAN****MUKASURAT**

<b>PENGAKUAN PELAJAR</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	vii

**BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Latar belakang kajian	1-2
1.2 Objektif kajian	3
1.3 Sorotan literature	4-7
1.4 Permasalahan kajian	7
1.5 Konsep kajian	8
1.6 Teknik pengumpulan data	9
1.7 Skop kajian	10
1.8 Kepentingan kajian	11
1.9 Cadangan bab	12

**Bab 2 :- Latar belakang isu Antartika**

2.1 Sejarah Antartika	14
2.2 Sejarah isu Antartika yang timbul di kalangan negara ahli perjanjian Antartika 1957	20
2.4 Kepentingan Antartika	23

**Bab 3 :- Tindakan Malaysia dan Dasar Tun Dr. Mahathir Mohammad**

3.1 Sejarah Penglibatan Malaysia dalam isu Antartika	30
3.2 Penglibatan Malaysia dalam isu Antartika	35
3.3 Cadangan dan dasar luar Tun Dr. Mahathir Mohammad di PBB	39
3.4 Reaksi negara luar terhadap cadangan Malaysia	44

**Bab 4 :- Keberkesanan Malaysia dan Tun Dr. Mahathir Mohammad**

4.1	Cabarani Malaysia	48
4.2	Usaha Malaysia	55
4.3	Peranan pertubuhan bangsa-bangsa bersatu	58
4.4	Kejayaan para saintis Malaysia dalam isu Antartika	62

**Bab 5 :- Kesimpulan** 66**SENARAI RUJUKAN** 74**LAMPIRAN** 78

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar belakang kajian

Malaysia merupakan salah sebuah Negara Asia yang tidak kurang pentingnya dalam menyuarakan pendapat dan pandangan dalam isu-isu antarabangsa. Pendirian Malaysia dalam isu-isu serantau dan global amat dipengaruhi oleh persekitarannya.

Oleh yang demikian adalah perlu bagi Malaysia untuk menggubal dasar luar bagi menjamin hubungan yang baik dalam hubungan dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral) dengan Negara-negara luar di dalam konsep antarabangsa.

Dengan itu Malaysia lebih mengamalkan dasar luar yang lebih bersifat bebas dan berkecuali yang mana memegang kepada semangat setiakawan terhadap aktor-aktor antarabangsa tanpa mengira ideologinya dengan memastikan aktor tersebut menghormati kedaulatan antara satu sama lain.

Salah satu pencapaian Malaysia di persada antarabangsa apabila mantan Perdana Menteri Ke-empat Malaysia, Tun Dr.Mahathir Mohamad telah dilantik dan mendapat pengiktirafan tinggi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) apabila Malaysia dipilih untuk menduduki Majlis Keselamatan bagi tempoh 1989-1990 menjadikan Malaysia kini sebagai *International Player* dalam politik antarabangsa dan bukannya hanya sebagai pemerhati dalam organisasi antarabangsa tersebut.

Sewaktu zaman pemerintahan Tun Mahathir, isu Antartika dilihat sebagai isu yang sangat hangat apabila terdapat banyak Negara yang menuntut hak milik ke atas benua tersebut. Tidak ketinggalan dengan Malaysia sendiri yang turut menuntut benua tersebut dengan memberi kenyataan bahawa benua tersebut adalah warisan sejagat

dunia dan sepatutnya harus dikongsi bersama tetapi bukan untuk dieksplotasi. Malaysia telah banyak menyatakan pendapat dan menyuarakan ketidak puasan hati di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dengan ini kajian akan dijalankan ke atas keberkesanan suara serta penglibatan Malaysia dalam isu antartika semasa era pemerintahan Tun Mahathir semenjak awal pemerintahan beliau sehingga tahun 2002.

## **1.2 Objektif kajian**

Kajian yang dijalankan ke atas isu Antartik sepanjang dua dekad iaitu sepanjang tempoh pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang lalu (1982-2002).

Objektif khusus kajian:-

1. Meninjau latar belakang isu Antartika di peringkat antarabangsa.
2. Menganalisa dasar luar Malaysia dan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohammad berhubung dengan isu Antartika di peringkat antarabangsa.
3. Melihat keberkesanan Malaysia dan dasar Dr. Mahathir dalam memperjuangkan isu Antartika di peringkat antarabangsa.

### **1.3 Sorotan literatur**

Terdapat beberapa buah buku yang digunakan sebagai garis panduan sepanjang kajian ini dijalankan. Di antaranya adalah buku yang bertajuk "Malaysia di persada antarabangsa" yang telah ditulis oleh Ahmad Nizar Yaakub dan diterbitkan di Malaysia Tri-Printis Kuching, Sarawak. Di dalam penulisan tersebut menekankan mengenai konsep-konsep asas mengenai dasar luar Malaysia, entity yang terlibat di dalam pengubalan dasar luar, turut mengandungi dasar luar Malaysia dari bermulanya era pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan berakhirnya era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Setiap era pemerintahan yang dibincangkan menerangkan dasar luar yang digunakan bagi berhadapan dengan setiap isu antarabangsa. Semasa era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, dasar luar Malaysia ke atas isu antartika turut dibincangkan. Isu Antartika dilihat Ahmad Nizar sebagai satu tapak yang mengangkat nama Malaysia di persada antarabangsa di mana Malaysia tidak hanya menjadi pendengar malah turut mempunyai hak untuk bersuara di dalam PBB. Ahmad Nizar juga turut mengupas tentang reaksi negara-negara yang telah membuat perjanjian Antartika 1959 terhadap pendapat yang telah diutarakan oleh Malaysia mengenai hak ke atas Antartika. Buku ini turut memaparkan kejayaan Malaysia yang telah berjaya menghantar saintis dari Malaysia ke Antartika untuk menjalankan kajian di sana di mana ianya dilihat setanding dengan pencapaian Negara-negara yang telah menandatangani Perjanjian Antartika 1959.

Kajian lepas yang kedua diambil hasil daripada penulisan Mohammad Azhari Karim dengan tulisannya yang bertajuk Malaysian Foreign Policy and perspectives. Di dalam buku ini telah mengupas tentang pembuatan dasar luar Malaysia, bagaimana polisi yang telah dibuat digunakan di dalam dasar luar Malaysia, dasar luar Malaysia dalam konteks antarabangsa dan penilaian atau analisis yang dilakukan ke atas dasar luar Malaysia.

Di dalam membuat kajian ini, banyak kajian yang dibuat berdasarkan bab ke 2 di dalam buku yang bertajuk *Formulation and Administration of Malaysian Foreign Policy* yang telah ditulis oleh Prof. Murugesu Pathmanathan daripada Universiti Malaya. Murugesu telah menghuraikan beberapa teori dan konsep yang telah diaplikasikan ke dalam dasar luar Malaysia. Beliau turut menyatakan bahawa karakter pembuatan dasar luar Malaysia boleh dilihat dari pelbagai sudut iaitu dari konteks elitisme, parlimen, kabinet, personaliti dan polisi, struktur institusi di dalam polisi dan diplomasi ekonomi.

Buku seterusnya pula bertajuk *Antartica in International affairs* yang telah ditulis oleh B.A Hamzah. Di dalam buku ini mengandungi beberapa artikel yang telah ditulis oleh beberapa saujana yang ternama termasuklah penulisan BA Hamzah sendiri. Beliau telah menulis sebuah artikel yang bertajuk *Antartica and International Community: a Comentary*. Di dalam penulisan beliau ini, B.A Hamzah telah merungkaikan persoalan di mana wujudnya perebutan ke atas Benua Antartika. Perjanjian Antartika yang telah ditandatangani oleh 12 buah negara telah menimbulkan masalah apabila tiada batas-batas penggunaan aktiviti yang ditetapkan ke atas aktiviti yang dilakukan seperti kajian yang melibatkan wujudnya masalah pencemaran alam sekitar. Tambahan pula, wujudnya persoalan terra nullius atau terra communis ke atas benua tersebut turut dinyatakan di dalam penulisan Hamzah.

Dalam penulisan beliau juga turut menerangkan campurtangan pertubuhan bangsa-bangsa bersatu ke atas isu Antartika. Pada mulanya isu ini gagal dibincangkan sekitar tahun 1950. Hal ini berlaku kerana gangguan yang wujud semasa berlakunya perang Korea pada 1950. Walaupun wujudnya banyak usaha yang telah dilakukan bagi membincangkan isu ini, terutamanya perbincangan yang dilakukan di kalangan ahli komuniti dunia dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-38 pada tahun 1983. Perbincangan ini telah memberi pencapaian kejayaan kali pertama di kalangan komuniti dari negara kecil seperti Malaysia, Antigua dan Barbuda dalam membawa isu ini ke taraf antarabangsa.

Artikel kedua yang terkandung di dalam buku B.A Hamzah adalah bertajuk *Physical Aspects: Resource, Enviroment and Ecology* yang di tulis oleh Harm J.DE BLIJ

yang merupakan professor Geografi daripada University Miami. Di dalam penulisan ini, Harm telah menganalisis tentang kedudukan Antartika dari segi geografi dan sejarah kedudukan antartika dalam peta dunia. Harm menekankan bahawa mengapa wujudnya perbalahan dan perebutan antara negara ke atas antartika adalah berpunca daripada hasil penemuan semulajadi yang terdapat di kawasan selatan antartika. Harm juga mendapati wujudnya masalah perebutan antara negara ke atas Antartika adalah berpunca daripada hasil penemuan semulajadi yang terdapat di kawasan selatan Antartika. Harm juga mendapati wujudnya hasil bahan galian seperti minyak dan gas dan ini telah mewujudkan masalah perebutan di antara negara semakin giat terjadi. Ekoran daripada masalah tersebut telah mendorong implikasi kepada alam sekitar di mana berlakunya pencemaran akibat daripada berlakunya penerokaan secara besar-besaran ke atas benua tersebut. Justeru itu, ianya secara lansung telah membawa kepada masalah kepupusan flora dan fauna di kawasan benua Antartika.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dikaji, dasar Malaysia terhadap isu Antartika hanya dilihat secara kasar di mana kurang menekankan konsep warisan sejagat yang telah dikemukakan oleh Tun Mahathir. Konsep ini adalah amat penting untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan tindakan Tun Mahathir dalam membawa isu ini ke peringkat antarabangsa. Selain itu, kajian lepas ini tidak menyentuh mengenai kejayaan yang dicapai oleh Malaysia menerusi tindakan yang dilakukan oleh Tun Mahathir.

Maka dengan itu, di dalam penulisan ini, penulis telah mengkaji dengan lebih spesifik mengenai Dasar luar Malaysia dan cadangan Tun Dr. Mahathir Mohammad dalam mengutarakan isu Antartika di persada antarabangsa. Bagi Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil, tindakan Tun Dr. Mahathir dalam mengutarakan cadangan beliau merupakan satu tindakan yang bernas di mana ianya membuktikan bahawa kehebatan Malaysia juga setanding dengan negara-negara lain. Dalam penulisan ini juga melihat sejauhmanakah peranan organisasi antarabangsa seperti persatuan bangsa-bangsa bersatu (PBB) dalam memberi tindak balas terhadap cadangan Tun Dr. Mahathir Mohammad. Selain itu, penulis juga cuba untuk merungkai masalah-

masalah yang wujud akibat daripada beberapa perjanjian yang telah ditandatangani yang mana dilihat turut memberi impak kepada isu tuntutan ke atas benua Antartika.

#### **1.4 Permasalahan kajian**

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan suara Malaysia dan dasar Tun Dr. Mahathir Mohammad di dalam Isu Antartika. Malaysia dilihat sebagai sebuah aktor state yang dianggap salah satu anggota Persatuan Bangsa-bangsa bersatu (PBB) yang mempunyai hak-hak bersuara dalam memberikan pendapat dan cadangan.

Pendapat yang telah diusulkan oleh Malaysia di dalam isu Antartika dilihat berbeza daripada Negara-negara yang lain. Malaysia mahu menjadikan benua Antartika sebagai warisan sejagat yang diambil kira oleh masyarakat dan Organisasi Antarabangsa seperti PBB. Pendapat Malaysia ini telah mendapat sokongan daripada kebanyakan negara luar yang turut memberi alasan bahawa sebarang perubahan yang dilakukan akan menyebabkan terjejasnya sistem ekologi di benua Antartika yang mana boleh memberikan kesan buruk kepada seluruh dunia. Maka dengan itu, penulisan ini akan melihat dengan lebih spesifik lagi sejauhmanakah keberkesanan penyertaan Malaysia dalam mengetengahkan isu Antartika di persada antarabangsa.

## **1.5 Konsep kajian**

Bagi menghasilkan penulisan ini, konsep **Idiosirikratik** atau ***Idiosyncratic*** adalah amat bersesuaian dalam menerangkan dasar luar Tun Dr. Mahathir Mohammad terhadap isu Antartika. Saujana hubungan antarabangsa yang banyak membuat analisis mengenai konsep ini adalah James N. Rosenau<sup>1</sup>. Di dalam konsep ini, Rosenau menetapkan 5 sumber dalam pembuatan dasar luar sesebuah negara iaitu individu, peranan, kerajaan, masyarakat dan sistemik. Oleh yang demikian, Rosenau berpendapat sumber individu berperanan besar dalam menentukan dasar luar sesebuah negara. Imej atau pendirian Tun Dr. Mahathir Mohammad sebagai seorang pemimpin pada ketika itu amat mempengaruhi cadangan yang dibuat oleh beliau terhadap isu Antartika.

Kelantangan suara Tun Dr. Mahathir Mohammad semasa mengemukakan pendapat beliau telah membuka mata kebanyakan negara luar dengan turut menyakinkan mereka untuk menjadikan benua Antartika sebagai sebuah benua yang menjadi warisan sejagat.

Walaupun Malaysia tidak membuat sebarang tuntutan ke atas benua Antartika sebagai milik Malaysia tetapi sebaliknya mencadangkan supaya ianya menjadi milik bersama dan ini telah memperlihatkan sikap Tun Dr. Mahathir Mohammad yang tidak hanya mementingkan kepentingan sendiri malah sentiasa memikirkan sesuatu untuk kepentingan bersama negara-negara selain negara yang telah menandatangani perjanjian Antartika pada 1959 yang juga dilihat berhak ke atas benua Antartika.

Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohammad yang amat tegas dengan pendirian beliau dan sentiasa cuba mempertahankan pendapat beliau agar diterima oleh negara luar mengambarkan konsep ***Idiosyncratic*** digunakan dalam isu ini.

---

<sup>1</sup> Karminder Singh Dhillon. 2005. "Malaysian Foreign Policy in the Mahathir era, 1981-2003"

## **1.6 Teknik Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data yang akan digunakan ialah kaedah kualitatif yang melibatkan penggunaan pusat sumber. Penganalisaan dibuat terhadap perlaksanaan dasar-dasar luar dan menilai pencapaian matlamat serta dasar-dasar yang dijalankan oleh Tun Dr.Mahathir Mohamad sepanjang pemerintahan beliau dalam tempoh dua dekad. Antara pusat sumber yang telah dikunjungi sepanjang penyelidikan yang dijalankan sepanjang kajian dan penyelidikan dijalankan adalah seperti berikut:-

Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Perpustakaan Dewan Suarah, Kuching

Perpustakaan Negeri Sarawak, Petra Jaya (PUSTAKA)

Perpustakaan Negeri Sabah, Kota Kinabalu

Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)

Selain itu, kaedah yang digunakan juga melibatkan bahan-bahan cetakan sekunder seperti:-

buku-buku

kajian-kajian lepas dan kertas-kertas kerja

Majalah-majalah ilmiah

Jurnal-jurnal

Risalah-risalah

Selain itu hasil kajian turut diperolehi melalui penyelidikan dan kajian dengan melayari laman web yang mana paling banyak membantu semasa kajian dijalankan. Menerusi bahan-bahan laman web banyak membantu dalam memperolehi data-data terkini tentang dasar luar Malaysia dalam isu Antartika.

## **1.7 Skop kajian**

Skop kajian ini menekankan kepada satu tempoh masa yang merangkumi tempoh pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohammad di Malaysia iaitu pada tahun 1982 hingga 2002. Selain itu, kajian juga turut dijalankan sepanjang tempoh penglibatan Malaysia dalam isu Antartika. Kajian ini juga turut menfokus kepada dasar luar yang telah dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad sepanjang pemerintahan beliau di Malaysia.

Skop kajian ini melihat satu tempoh masa sepanjang pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohammad iaitu 1982-2002. Hal ini kerana penulisan ini akan menekankan isu Antartika yang bersifat global yang hangat diperdebatkan di persidangan PBB ke 38 semasa era pemerintahan Dr. Mahathir. Ianya membincangkan tentang bagaimana bermulanya pembabitan terawal Malaysia dalam isu Antartika, pandangan dan pendapatnya terhadap mengapakah Antartika patut menjadi warisan sejagat dunia. Selain itu, kajian turut melihat cabaran dan tentangan yang dihadapi sepanjang penglibatan Malaysia dalam kelantangan suara memberikan pendapat dan pandangan tentang isu Antartika di persidangan PBB yang ke-37 di New York pada 29 September 1982. Disamping itu, dapat dilihat bagaimana pandangan dan reaksi Negara luar terhadap kenyataan Malaysia dan kritikan yang diterima oleh Malaysia ke atas pendapatnya dalam menjadikan benua Antartika sebagai warisan sejagat.

Ianya turut membincangkan mengenai peranan Malaysia yang dilihat semakin aktif sepanjang penglibatan Malaysia dalam isu Antartika. Malaysia berusaha untuk mempertahankan pendapat dan pandangan agar ianya boleh diterima oleh masyarakat antarabangsa. Turut dibincangkan dalam tempoh ini adalah perkembangan dasar luar Malaysia yang telah dilaksanakan semasa tempoh pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohammad terhadap isu Antartika ketika itu.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat penting di mana iaanya boleh dijadikan bahan rujukan kepada pihak-pihak yang berminat untuk meneruskan pengkajian lanjutan mereka tentang penglibatan Malaysia terhadap isu Antartika. Di samping itu, iaanya dapat memberi gambaran yang jelas terhadap dasar luar yang telah digunakan oleh Malaysia sepanjang melibatkan diri dalam isu Antartika.

Tujuan kajian ini juga adalah untuk memberikan lebih pendedahan tentang kerjasama yang pernah dijalankan oleh kerajaan Malaysia dengan masyarakat antarabangsa sama ada dalam organisasi antarabangsa maupun Negara-negara luar dalam mencapai kesepakatan dalam menyelesaikan masalah pertikaian benua Antartika. Kajian ini juga akan menjadi bahan rujukan panduan bagi mana-mana pihak yang turut berminat dalam mengkaji penglibatan Malaysia dalam mana-mana perebutan dan pertikaian yang melibatkan arena antarabangsa.

## **1.9 Cadangan Bab**

### **Bab 1 :- Pengenalan**

- I. Latar belakang kajian
- II. Objektif kajian
- III. Sorotan literatur
- IV. Permasalahan kajian
- V. Konsep kajian
- VI. Teknik Pengumpulan Data
- VII. Skop kajian
- VIII. Kepentingan kajian
- IX. Cadangan bab

### **Bab 2 :- Latar belakang isu Antartika**

- I. Sejarah Antartika
- II. Sejarah penglibatan Malaysia
- III. Latar belakang isu tuntutan ke atas Antartika
- IV. Kepentingan Antartika

### **Bab 3 :- Tindakan Malaysia dan Dasar Tun Dr. Mahathir Mohammad**

- I. Sejarah Penglibatan Malaysia dalam isu Antartika
- II. Penglibatan Malaysia dalam isu Antartika
- III. Cadangan dan dasar luar Tun Dr. Mahathir Mohammad di PBB
- IV. Reaksi negara luar terhadap cadangan Malaysia

### **Bab 4 :- Keberkesanan Usaha Malaysia dan Tun Dr. Mahathir Mohammad**

- I. Cabaran Malaysia
- II. Usaha Malaysia
- III. Peranan pertubuhan bangsa-bangsa bersatu
- IV. Kejayaan para saintis Malaysia dalam isu Antartika

### **Bab 5 :- Kesimpulan**

## BAB 2

### LATAR BELAKANG ISU ANTARTIKA

#### 2.1 Sejarah Antartika

Bab ini akan menyentuh secara lebih mendalam mengenai sejarah penemuan Antartika dari mula sehingga tercetusnya konflik tuntutan terhadap benua ini. Dengan keluasannya  $13.200.000 \text{ km}^2$ , Antartika adalah benua terluas kelima setelah Eurasia, Afrika, Amerika Utara, dan Amerika Selatan. Namun begitu, jumlah populasinya merupakan jumlah terkecil yang mana jauh di bawah yang lain. Secara umumnya, benua ini dihuni oleh para peneliti dan ilmuwan untuk batas waktu tertentu saja. Hal ini kerana benua Antartika merupakan salah sebuah benua di dunia ini yang meliputi Kutub Selatan bumi.

Benua ini juga merupakan kawasan benua yang terdingin di muka bumi kerana permukaan bumi ini sebahagian besar diliputi ais sepanjang tahun. Keadaan permukaan ais tidak pernah cair walaupun Antartika mengalami musim panas enam bulan setahun. Inilah yang menyebabkan sesetengah penyelidikan sukar untuk dijalankan memandangkan 98 peratus kawasan Antartika dilitupi oleh ais dan adakalanya sehingga lapan kilometer dalamnya.<sup>2</sup>

Orang pertama yang telah melintasi benua Antartika ialah James Cook yang mana pada 16 Januari 1773.<sup>3</sup> Manakala orang pertama yang mula menjumpai benua

---

<sup>2</sup> Chamil Wariya. 1989. *Pergolakan Antarabangsa (Perkembangan dan isu utama sejak 1945)*. I.Kl: Aruk Interaksi Sdn Bhd

<sup>3</sup> Alexander, JR. Frank. C. 1987. “Legal Aspect: Exploitation of Antarctic Resources” dlm B.A.Hamzah. *Antarctica in International Affairs*: Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia. Hlm 59

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- B.A.Hamzah. (ed). 1987. *Antartica in International Affairs*. Kuala Lumpur: Institute Of strategic and International Studies.
- Boleslaw A. Boczek. 1987. *The Soviet Union and the Antarctic Regime. Dlm Antarctica in International Affairs*. Kuala lumpur:Institute of Strategic and International Studies.
- Chung Kek Yoong. 1987. *Mahathir administration: leadership and change in a multiracial society*. Pelanduk Publications, Petaling Jaya Selangor.
- Colin M. Harris and Bernard Stonehouse (edt). 1991. *Antarctica and global climatic Change*. Belhaven Press in association with the Scott Polar Research Institute, University of Cambridge: Boca Raton, FL: Lewis Publishers. London, England.
- David Macgonigal and Dr. Lynn Woodworth. 2001, *Antarctica: the complete story*. The five Miles Press, Australia.
- Evan Luard. 1984. *Who Owns the Antarctic? Dlm Foreign Affairs*. UK: Council On Foreign Relations.
- Harm J.De Blij. 1987. *Physical Aspects: Resources, Environment and Ecology. Dlm Antarctica in International Affairs*. Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies.
- Ho khai leong and James Chin (edt). 2001. *Mahathir's administration: performance and Crisis in governance*. Times Books International.
- Ian Brownlie. 1998. *Principle of Public International Law 5th edt*. Oxford University Press Inc. New York
- Jeff Rubin. 2005. *Antartica*. Lonely Planet, London
- J. Victor Morais. 1982. *Mahathir: A profile in courage*. Eastern Universities Press (M), Singapore.
- John B. Anderson. 1999. *Antarctic marine Geology*. Cambridge University Press.
- John Pickard. 1986. *Antarctic oasis: terrestrial environments and history of the Vest fold Hills*. Orlando, Fla.: Academic Press.

- Mohammed Azhari Karim, Llewellyn D.Howell, Grace Okuda. (eds). 1990. *Malaysian Foreign Policy Issue and Perspectives*. Kuala Lumpur:National Institute of Public Administration, Malaysia.
- M.Hussain. 1987. *Hubungan Antarabangsa dalam dunia yang sedang berubah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murugesu Pathmanathan. 1990. *Malaysia and world affairs the Mahathir impact*. Economic Research Associates, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
- Micheal Bociurkiw (edt). 2003. *22 years, 22 voices*. Melewar Apex & JF Publications, Kuala Lumpur.
- M.Rajendran. 1993. *Mahathir Mohamad: Prime Minister of Malaysia*. IBS Buku Sdn Bhd, Selangor Darul Ehsan.
- Mark J. Valencia. 1991. *Malaysia and the law of the sea: the foreign policy issues, the options, and their implications*. Institute of Strategic and International Studies, Malaysia.
- Sivamurugam Pandian. 2005. *Legasi Mahathir*. Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.
- Syed Arabi Idid (edt). 2008. *Malaysia at 50: achievements and aspirations*. IIUM ; [St. Paul], U.S.: Thomson, Kuala Lumpur.
- Valerie M. Hudson. 2007. *Foreign Policy Analysis*. Rowman & Littlefield Publishing Group. Inc.
- W.N. Bonner and D.W.H. Walton (edt). 1985. *Antarctica*. Oxford [Oxfordshire] ; New York : Published in collaboration with the International Union for Conservation of Nature and Natural Resources by Pergamon Press.

## **Tesis**

Karminder Singh Dhillon. 2005. *Malaysian in Foreign Policy in the Mahathir Era, 1981-2003*. ProQuest information and learning company.

## **Jurnal**

Val Dusek. 2008. Ihde's Instrumental Realism and the Marxist Account of Technology in Experimental Science. *Techné 12:2 Spring*. 5: 105-109

Diane K. Mauzy & R. S. Milne. 2004. The Mahathir administration in Malaysia: discipline through Islam. *Pacific Affairs* vol.56, No.4. 33:617-648.

Patricia Martinez. 2001. Malaysia in 2000: A Year Of Contradiction. *Asian Survey*. 12: 189-2000.

Zakaria Haji Ahmad. 1985. Malaysia in 1984: No More Free Lunches? *Asian Survey* vol: 25, No. 2. 9:206-215.

## **Internet**

"Antartika" dilayari di  
[http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=235:antartika&catid=88:dasar-dasar-negara](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=235:antartika&catid=88:dasar-dasar-negara) (5 November 2008)'

"An Introduction of Antarctic Treaty" dilayari dalam www.htm.Antarctic Treaty pada 12 March 2009.

"Antarctic Treaty System" dilayari di  
[http://en.wikipedia.org/wiki/Antarctic\\_Treaty\\_System](http://en.wikipedia.org/wiki/Antarctic_Treaty_System) pada 23/2/09

"Artartic.Territorial.Claims" <http://en.wikipedia.org/wiki/category> dilayari pada 10 jan 2009.

" Dumont d'urville" dilayari di [http://en.wikipedia.org/wiki/Dumont\\_d'Urville\\_Station](http://en.wikipedia.org/wiki/Dumont_d'Urville_Station) pada 10 Mei 2009.

"Fabian Gottlieb von Bellingshausen" dilayari di  
[http://www.absoluteastronomy.com/topics/Fabian\\_Gottlieb\\_von\\_Bellingshausen](http://www.absoluteastronomy.com/topics/Fabian_Gottlieb_von_Bellingshausen) pada 9 Mei 2009.

"Human impacts in Antarctica: what are we doing? " dilayari di

<http://pmr.penerangan.gov.my/> (14 April 2009)

- "Laporan Presiden Akademi sains Malaysia Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharudin Idrus FASc" dilayari di  
[http://72.14.235.132/search?q=cache:aPIa2JmSkgJ:www.akademisains.gov.my/download/AnnualReports/Annual%2520Report%25202005.pdf+latar+belakang%2BMalaysia+Antarctic+Research+program+\(MARP\)&cd=1&hl=en&ct=clnk&gl=my](http://72.14.235.132/search?q=cache:aPIa2JmSkgJ:www.akademisains.gov.my/download/AnnualReports/Annual%2520Report%25202005.pdf+latar+belakang%2BMalaysia+Antarctic+Research+program+(MARP)&cd=1&hl=en&ct=clnk&gl=my) pada 10 Mei 2009
- "Marine mammals in Antarctica" dilayari di  
<http://www.biosbcc.net/ocean/AAmammals.htm>  
(14 April 2009)
- "Malaysia: Persidangan Dewan Negara (Penyelidikan di Antartika)", 2002 dilayari dalam  
<http://www.google.com/search?q=cacheI8g8Bxm> pada 12 November 2008.
- "Protocol of Environmental Protection to Antarctic treaty 1991" dilayari di  
[http://www.antarctica.ac.uk/about\\_antarctica/geopolitical/treaty/update\\_1991.php](http://www.antarctica.ac.uk/about_antarctica/geopolitical/treaty/update_1991.php)  
(14 April 2009)
- "Prof. Madya Dr. Azizan Bin Abu Samah" dilayari di  
[http://www.mykedah2.com/20hall\\_fame/201b\\_17.htm](http://www.mykedah2.com/20hall_fame/201b_17.htm) pada 10 Januari 2009.
- "Question of Antarctica 1998" dilayari dalam  
<http://journals.cambridge.org/action/displayAbstract;jsessionid=48949FCF4332DAADC92A82663011DA1B.tomcat1?fromPage=online&aid=234301> pada 11 Mei 2009
- "Robert Falcon Scott" dilayari di  
[http://www.absoluteastronomy.com/topics/Robert\\_Falcon\\_Scott](http://www.absoluteastronomy.com/topics/Robert_Falcon_Scott) pada 9 Mei 2009
- "Terra Australis" dilayari di [http://www.absoluteastronomy.com/topics/Terra\\_Australis](http://www.absoluteastronomy.com/topics/Terra_Australis) pada 9 Mei 2009.
- "The Common Heritage" dilayari dalam <http://www.aloha.com/~craven/chclos.html> pada 29 April 2009.
- "What is Sustainable Development?" dilayari di <http://www.iisd.org/sd/> (14 April 2009)  
<http://ms.wikipedia.org/wiki/Antartika> pada 10 Mac 2009.